

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[ KOTA SAMARAHAN ]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan penilaian risiko dan persediaan Kementerian membuka semula pusat pengajian tinggi awam dan swasta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Keputusan untuk membenarkan kemasukan pelajar secara fizikal ke kampus Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) secara berperingkat bermula pada 15 Oktober 2021 dibuat setelah penilaian risiko dilaksanakan serta selepas mengambil kira pandangan pelbagai pihak.

Susulan itu, beberapa langkah mitigasi telah diambil oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi seperti yang berikut:

- (i) **Membangunkan Prosedur Operasi Standard, dengan izin, *Standard Operating Procedures (SOP) Sektor Pendidikan Tinggi: Pengoperasian IPT***. SOP ini menjadi rujukan utama pihak IPT dalam memastikan kelancaran proses kemasukan pelajar dan pengoperasian IPT. SOP ini juga disediakan dengan mempertimbangkan pelbagai aspek risiko kesihatan dan keselamatan warga IPT secara menyeluruh;
- (ii) **Memperhebat usaha pemberian vaksin kepada warga IPT melalui Program VACC2CAMPUS**. Program ini bertujuan untuk membentuk komuniti kampus yang selamat. KPT mensasarkan 100 peratus warga IPT (yang terdiri daripada pelajar, staf akademik dan staf bukan akademik), yang berdaftar dalam MySejahtera dan boleh divaksin menerima vaksinasi lengkap. Alhamdulillah, sehingga 31 Oktober 2021, sebanyak 85 peratus atau 1,080,104 daripada 1,276,267 orang warga IPT telah menerima vaksinasi lengkap.
- (iii) **Membekalkan Ujian *Rapid Test Kit (RTK)* kepada pelajar IPT melalui Program RTK@CAMPUS**. Program ini bertujuan untuk memastikan keselamatan warga kampus terpelihara selain mencegah penularan wabak COVID-19. Pembekalan RTK ini melibatkan pelajar sedia ada, pelajar baharu dan juga bagi maksud intervensi kepada pelajar luar kampus yang berulang-alik serta pelajar yang menunjukkan gejala. Sebanyak 1.16 juta unit RTK dibekalkan melibatkan kos peruntukan sebanyak RM17.5 juta;

- (iv) **Membuat pemantauan pelaksanaan SOP yang menyeluruh dari semasa ke semasa.** Ini merangkumi SOP Pentadbiran IPT; Pergerakan Pelajar IPT Kembali ke Kampus; Pengajaran dan Pembelajaran (PdP); Pelaksanaan Aktiviti Penyelidikan Dalam Makmal dan Bengkel; Pengurusan Pelajar di Kediaman dan Fasilitas Kampus; serta Pengurusan Aktiviti Pelajar; dan
- (v) **Melaksanakan program pembudayaan kawalan sendiri dan disiplin pematuhan SOP dalam kalangan warga IPT melalui Jawatankuasa Tindakan Kecemasan di setiap IPT.** Dalam hubungan ini, semua pihak bertanggungjawab untuk memainkan peranan masing-masing agar sentiasa mematuhi SOP.

Pada masa ini, pembukaan semula IPT secara keseluruhan adalah tertakluk kepada penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara. Jadinya, KPT sentiasa bersedia untuk membuat penambahbaikan terhadap SOP sedia ada, selaras dengan keputusan untuk memastikan pengoperasian IPT yang selamat.

Sekian, terima kasih.